



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2023**

MPP 3

**EKONOMI
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



1 Maklumat berikut menunjukkan satu sumber ekonomi.

Menggunakan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran

Pernyataan yang manakah betul tentang sumber ekonomi tersebut?

- A Kuantiti penawarannya tidak terhad
- B Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- C Ganjaran yang diperoleh adalah keuntungan
- D Sumber ekonomi digabungkan untuk menghasilkan barang

2 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan dalam mengeluarkan barang awam?

- A Upah pekerja yang rendah bagi memenuhi barang kehendak pengguna
- B Memaksimumkan kepuasan pelanggan daripada penggunaan keluaran
- C Kekurangan hasil bagi membina pelbagai projek pembangunan
- D Pertambahan penduduk yang tidak terkawal


3 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran Syarikat AZ bagi dua jenis barang.

Kombinasi keluaran	Penghawa Dingin (unit)	Periuk Tekanan (unit)
A	20	85
B	60	55

Berapakah kos lepas jika kombinasi keluaran berubah dari A ke B?

- A 20 unit penghawa dingin
- B 30 unit periuk tekanan
- C 40 unit penghawa dingin
- D 60 unit periuk tekanan

4 Maklumat berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh individu.



Pernyataan yang manakah betul tentang X?


- A Wujud akibat daripada pemilikan pendapatan yang terhad
- B Barang dipilih akan memberi kebajikan kepada pengguna
- C Guna cara yang cekap untuk memaksimumkan kepuasan rakyat
- D Individu melepaskan barang kedua terbaik untuk mendapatkan yang terbaik

5 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Syarikat A.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah dapat diselesaikan oleh Syarikat A?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III Untuk siapa hendak dikeluarkan
 - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A** I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 6 Apakah faktor yang mendorong kerajaan untuk campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
- A** Melaksanakan projek pembangunan yang berisiko tinggi
B Memastikan pulangan keuntungan yang tinggi
C Memaksimumkan kebajikan rakyat
D Mengelakkan pembaziran sumber
- 7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi motosikal tempatan.




Apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A** Teknologi yang digunakan kurang canggih
B Harga motosikal jenama import jatuh
C Objektif firma meminimumkan kos
D Kadar cukai pendapatan turun

8 Pasangan yang manakah betul?

Perubahan dalam kuantiti ditawar		Perubahan Penawaran
A	Penentu ialah faktor harga barang lain	Penentu ialah harga barang itu sendiri
B	Melibatkan dua keluk penawaran	Melibatkan satu keluk penawaran sahaja
C	Apabila harga tetap, kuantiti ditawar berubah	Apabila harga berubah, kuantiti ditawar berubah
D	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran	Berlaku peralihan keluk ke kanan atau ke kiri


9 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan dan penawaran pasaran bagi daging itik.



Berapakah kuantiti daging itik pada **X** dan **Y** apabila berlaku lebihan penawaran daging itik sebanyak 50 kg pada harga RM15 dan lebihan permintaan daging itik sebanyak 80 kg pada RM8?

	X	Y
A	20 kg	90 kg
B	20 kg	100 kg
C	30 kg	90 kg
D	30 kg	100 kg


10 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barang.



Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan rajah tersebut.

- A** Pengeluaran bermatlamatkan maksimum jualan
- B** Teknologi yang canggih dalam pengeluaran
- C** Harga faktor pengeluaran meningkat
- D** Subsidi diberikan oleh kerajaan naik

11 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A** 0.15
- B** 0.25
- C** 0.42
- D** 1.66

12 Maklumat berikut berkaitan dengan nilai keanjalan harga penawaran barang A.

$$Es = 0.5$$

Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan barang tersebut.

- A** Harga barang dinaikkan untuk menambah jumlah hasil
- B** Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga
- C** Nilai pekali keanjalan adalah anjal
- D** Contoh barang adalah pakaian

13 Sesuatu barang cenderung menjadi keanjalan harga penawaran anjal jika

- A** penawaran dalam jangka masa pendek
- B** bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
- C** tambahan kos pengeluaran yang sangat besar
- D** faktor pengeluaran sukar diperoleh dan ditambahkan

14 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

Cikgu Azam membeli kasut sukan pada harga diskaun 50% sempena ulang tahun ke -10 pembukaan Kedai Kasut Ceria.

Fungsi wang tersebut adalah sebagai alat

- A** ukuran nilai
- B** simpanan nilai
- C** bayaran tertunda
- D** perantaraan pertukaran

15 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada fungsi bank pusat?

- I Mengurus pertukaran asing
 - II Merupakan sumber pinjaman terakhir kepada kerajaan
 - III Memberi pendahuluan sementara kepada bank perdagangan
 - IV Memastikan kadar inflasi dalam negara terkawal dengan menggunakan alat dasar kewangan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Maklumat berikut berkaitan sejenis deposit di bank perdagangan.

Pemegang akaun boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan.

Pernyataan yang manakah betul tentang deposit tersebut?

- A Mengeluarkan wang tanpa had
B Menerima kadar faedah yang tinggi
C Memerlukan penjamin apabila membuat pinjaman
D Membantu peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai

17 Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga dua barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang Y (RM)	Harga Barang Z (RM)
6 000	12.50	13.50

Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM15?


- A Kuasa beli pengguna menurun
B Tabungan isi rumah meningkat
C Upah benar pengguna bertambah
D Pendapatan boleh guna berkurang

18 Antara berikut, yang manakah kesan caruman KWSP kepada individu?

- I Jaminan kewangan pada masa depan
- II Mengurangkan pendapatan semasa
- III Dapat bonus keuntungan
- IV Kuasa beli meningkat

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 19 Rajah berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan individu.



Pernyataan yang manakah betul tentang X ?

- A Menerima hasil sewa rumah
- B Menjelaskan pinjaman PTPTN
- C Membayar cukai pendapatan individu
- D Menambahkan wang di Lembaga Tabung Haji(LTH)

- 20 Penyediaan belanjawan peribadi menyebabkan isi rumah dapat

- A menyimpan wang
- B mendahului kehendak
- C melakukan pinjaman bank
- D mencapai kepuasan maksimum

- 21 Rumus berikut berkaitan dengan pengeluaran jangka pendek.

$$X = \frac{\text{Perubahan jumlah keluaran}}{\text{Perubahan input berubah}}$$

Apakah X ?

- A Kos purata
- B Kos marginal
- C Keluaran purata
- D Keluaran marginal

- 22 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran barang Z.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
50	20
100	15

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 100 unit jika kos tetap ialah RM400?

- A RM 600
- B RM1100
- C RM2100
- D RM2500

- 23 Apakah kos sosial yang timbul akibat pembinaan landasan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Kampung Tepoh, Kuala Nerus.

- A Menjimatkan masa perjalanan
- B Kos rawatan pekerja bertambah
- C Belanja kerajaan semakin meningkat
- D Penduduk kampung hadapi kesesakan lalu lintas

24 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?

- I Mengawal selia pengeluar
 - II Mencapai guna tenaga penuh
 - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
 - IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

25 Kerajaan mengawal kesan luaran negatif dengan

- A mengenakan kawalan harga keluaran firma
- B menggubal akta dan undang-undang
- C menggunakan dasar kewangan
- D melaksanakan dasar fiskal

26 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar inflasi di Malaysia.

Inflasi Malaysia meningkat dengan kadar perlahan kepada 3.3 peratus pada 2022 berbanding 2.5 peratus tahun 2021 dengan mata Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan 127.2 berbanding 123.1 pada 2021.

Sumber: Ubahsuai *hmetro.com.my*, 17 Mei 2023

Keadaan tersebut menunjukkan peningkatan

- A harga barang import
- B taraf hidup
- C nilai wang
- D kos hidup

27 Jadual berikut menunjukkan KDNK bagi Malaysia pada tahun 2019 hingga 2022.

Tahun	KDNK (RM juta)
2019	370.60
2020	290.10
2021	336.20
2022	360.20

Berdasarkan jadual tersebut, negara Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang paling rendah pada tahun

- A 2022
- B 2021
- C 2020
- D 2019

- 28 Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk
- A menambahkan penawaran wang
 - B menurunkan kadar bunga
 - C menambahkan cukai
 - D menurunkan inflasi
- 29 Tujuan kerajaan mengamalkan cukai progresif adalah untuk
- A merapatkan jurang pendapatan masyarakat
 - B mengurangkan kesan luaran negatif
 - C mewujudkan pertumbuhan ekonomi
 - D menstabilkan ekonomi negara
- 30 Maklumat berikut menunjukkan tindakan bank pusat melalui dasar kewangan mengawal satu keadaan ketidakstabilan ekonomi
- Keperluan rizab berkanun dinaikkan tiga kali ganda sebagai langkah awal mengurus peningkatan masalah tunai berlebihan yang membawa kepada peningkatan harga barang
- Apakah tindakan lain yang boleh dilakukan oleh bank pusat untuk mengawal keadaan tersebut?
- A Kadar faedah pinjaman direndahkan
 - B Tempoh bayaran balik dipanjangkan
 - C Nisbah rizab tunai diturunkan
 - D Surat jaminan kerajaan dijual
- 31 Apakah maksud imbangan dagangan kurangan?
- A Nilai eksport tak nampak melebihi nilai import tak nampak
 - B Nilai import nampak melebihi nilai eksport tak nampak
 - C Nilai import nampak melebihi nilai eksport nampak
 - D Nilai eksport nampak melebihi nilai import nampak
- 32 Matlamat utama perjanjian perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah bertujuan untuk
- A mewujudkan kuasa monopoli yang tunggal dalam hubungan perdagangan dengan Eropah
 - B meningkatkan daya saing ASEAN melalui penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif
 - C mengurangkan pergantungan import barang penggunaan dari negara maju
 - D mengamalkan dasar perlindungan antara semua negara anggota
- 33 Mengapa kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?
- A Mengurangkan daya saing barang tempatan
 - B Melindungi industri muda dan tempatan
 - C Meningkatkan pendapatan negara
 - D Meluaskan pilihan pengguna

MPP 3 EKONOMI

34 Situasi yang manakah mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- I Rakyat Malaysia melancong ke Switzerland
 - II Pelabur Jepun membuat pelaburan di Malaysia
 - III Perancis mengimport minyak sawit dari Malaysia
 - IV Rakyat Malaysia menyewa kapal kargo Singapura
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35 hingga Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 35** I Firma menghadapi masalah kekurangan hasil
II Kekurangan hasil mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan
- 36** I Keluk permintaan menunjukkan kuantiti diminta pada setiap tingkat harga.
II Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- 37** I Pulangan pelaburan ialah keuntungan yang diterima oleh kerajaan ke atas projek-projek pembangunan.
II Contoh pulangan pelaburan ialah keuntungan modal.
- 38** I Hukum pulangan berkurangan berlaku pada tahap pengeluaran III.
II Hukum pulangan berkurangan menunjukkan jumlah hasil bertambah pada kadar yang perlahan.
- 39** I Embargo merujuk kepada perintah larangan atau pemulauan perdagangan terhadap negara tertentu.
II Contoh embargo ialah kerajaan Malaysia mengenakan had maksimum bagi barang berasaskan hasil tenusu daripada Negara New Zealand
- 40** I Pertambahan barang eksport berubah secara langsung dengan nilai mata wang
II Peningkatan nilai eksport menyebabkan nilai mata wang naik

KERTAS SOALAN TAMAT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2023**

MPP 3

**EKONOMI
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :




DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



Rajah 1

Berdasarkan rajah tersebut, jelaskan pengeluaran pada titik X.

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu tindakan kerajaan bagi Negara Z.

Kerajaan wajar campur tangan dalam aktiviti ekonomi agar kebajikan masyarakat terjamin

Setujukah anda dengan tindakan kerajaan tersebut. Beri alasan anda.

- (c) Dengan menggunakan rajah, jelaskan hukum permintaan bagi sesuatu barang.

[5 markah]

- (c) Dengan menggunakan rajah, jelaskan hukum permintaan bagi sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (Unit)
5	20
10	30

Jadual 1

- (i) Hitungkan pekali keanjalan harga penawaran apabila harga meningkat dari RM5 kepada RM 10.

[2 markah]

(ii) Terangkan penentu keanjalan harga penawaran barang tersebut.

[5 markah]

2 (a) Maklumat dalam Jadual 2 berkaitan dengan pekerjaan penduduk.

Tahun	Jenis Pekerjaan	
	Bekerja sendiri (buruh '000)	Bekerja dengan orang lain (buruh '000)
2020	2383.0	11554.0
2021	2231.0	11821.4


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 2

Berdasarkan maklumat tersebut, mengapakah bekerja dengan orang lain menjadi pilihan masyarakat?

[5 markah]

- (b) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan kaedah pembayaran untuk pembelian barang.



Gambar 1

Gambar 2

Bezakan kaedah pembayaran tersebut.

**BAYARAN ANSURAN KEDAI
RM169/ BULANAN**

3767/2

- (c) Jadual 3 menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Buruh	Jumlah keluaran (TP) (unit)	Keluaran Purata (AP) (unit)	Keluaran Marginal (MP) (unit)
0	0	0	-
1	6	6	6
2	14	7	8
3	24	8	X
4	32	8	8
5	37	Y	5
6	41	6.83	4
7	44	6.28	3
8	46	5.75	2
9	46	4.5	0
10	45	4.5	-1

Jadual 3

- (i) Hitungkan nilai X dan Y

[3 markah]

- (ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran yang paling cekap? Jelaskan.

[3 markah]

- (d) Jelaskan konsep kos sosial.

[4 markah]

- 3 (a) Peningkatan kadar inflasi memberi implikasi terhadap kadar faedah. Jelaskan.

[4 markah]

- (b) Terangkan **dua** elemen yang terlibat dalam perbelanjaan mengurus.

[4 markah]

- (c) Jadual 4 berkaitan imbangan akaun semasa pada suku kedua tahun 2023.

Butiran	RM (bilion)
Akaun barang	29.5
Akaun perkhidmatan	- 11.3
Pendapatan primer	- 6.3
Pendapatan sekunder	- 2.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4

- (i) Tentukan jenis imbangan akaun tersebut

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesanimbangan akaun semasa di (c)(i) terhadap ekonomi negara.

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tarikh	Kadar Pertukaran Asing
28 Apr 2023	USD 1 =RM 4.4620
31 Mei 2023	USD 1 = RM 4.6070

Pengimport Malaysia membeli mesin yang bernilai USD350 000 dari Amerika Syarikat pada bulan April 2023, tetapi pembayaran dibuat pada bulan berikutnya.

- (i) Hitung jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh pengimport tersebut.

[2 markah]

- (ii) Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di 3 (d)(i).

[3 markah]

BAHAGIAN B
[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.
Tulis jawapan pada kertas yang disediakan.*

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor pengeluaran dalam ekonomi.

Berbekalkan pengalaman tujuh tahun menjahit baju keluarga, Intan, akhirnya memanfaatkan kemahirannya dan menjadikan bidang jahitan sumber pendapatan dengan mengeluarkan produk sendiri membantu menyara keluarga. Kini, produk beliau semakin menjadi permintaan ramai kerana pelbagai rekaan terkini yang menarik dikeluarkan dan seterusnya meningkatkan keuntungan syarikatnya.

- (a) Jelaskan ciri-ciri faktor pengeluaran tersebut. [5 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi permintaan produk tersebut. [6 markah]
- (c) Penglibatan pihak kerajaan dalam perusahaan tersebut dapat membantu meluaskan pasaran produk tempatan.

Bincangkan.

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan aset masyarakat Malaysia.

Majoriti rakyat Malaysia lebih suka memperuntukkan aset mereka dalam wang tunai dan deposit bank perdagangan berbanding pelaburan seperti dana amanah dan bon, demikian menurut pakar pengurusan pelaburan persaraan. Justeru, situasi itu membolehkan mereka berisiko untuk mempunyai simpanan persaraan.

Sumber : <http://www.bharian.com.my>, 31 Julai 2023

- (a) Huraikan **dua** jenis deposit bank tersebut. [6 markah]
- (b) Selain pelaburan tersebut, terangkan jenis pelaburan lain dalam ekonomi. [5 markah]
- (c) Tindakan masyarakat memperuntukkan aset mereka dalam bentuk tersebut boleh memberi implikasi pada hari tua.

Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut?
Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

6

Maklumat berikut berkaitan dengan inisiatif ditawarkan kepada penjawat awam .

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengumumkan pemberian bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, bantuan yang memanfaatkan 1.3 juta penjawat awam dan lebih sejuta pesara itu akan diberikan dalam tempoh dua minggu dan sebagai permulaan sementara menunggu proses pelarasan gaji dan elauan penjawat awam selesai diperincikan.

Sumber : Berita Harian.com.my, 27 Julai 2023

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [5 markah]
- (b) Terangkan sumber kewangan bagi membiayai perbelanjaan di 6 (a). [6 markah]
- (c) Inisiatif yang ditawarkan kepada penjawat awam ini akan memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia.

Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut?

Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

7

Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Multinasional.

KUALA TERENGGANU, 18 Jun – TDM Berhad merupakan syarikat Multinasional yang juga anak syarikat (GLC) Terengganu terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam operasi kerja dan perancangan masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, Hamdan Ibrahim berkata prestasi TDM terus meningkat seperti pada tahun kewangan 2022, TDM berjaya mencatatkan hasil tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM 614.4 Juta.

Sektor Perladangan, TDM dengan kerjasama dengan dua syarikat perladangan kelapa sawit, PT Rafi Kamajaya Abadi (RKA) dan PT Sawit Rezki Abadi (SRA) yang terletak di Indonesia.

Sumber : Ubah suai daripada terengganu.gov.my, 19 Jun 2023

- (a) Mengapakah syarikat TDM dianggap sebagai syarikat Multinasional? [4 markah]
 - (b) Jelaskan dorongan TDM memasuki operasi antarabangsa. [7 markah]
 - (c) Prestasi kewangan TDM tahun 2022 akan memberi kesan kepada rakyat negeri Terengganu.
- Bincangkan. [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT